

Pemimpin hargai keprihatinan pemerintah

Harap akan ada kemajuan kelak

► NUR'ADILAH MAHBOB
adilaham@sph.com.sg



"Kita ambil pengajaran daripada perjanjian Hudaibiyah. Walau hari ini orang Islam mungkin rugi, pada masa depan kita akan lihat lebih banyak kemajuan, insya-Allah."

Ustaz Shaik Hussain Shaik Yacob

PEMIMPIN masyarakat Melayu/Islam yang menghadiri dialog bersama Perdana Menteri mengenai isu tudung kelmarin berkata mereka memahami perubahan akan memakan masa.

Meskipun akur isu tudung sudah dibincang sejak sekian lama, pemimpin masyarakat turut menggesa masyarakat supaya bersabar dan membincangkan isu tudung secara rasional dan tenang.

Mereka juga melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, kerana bersedia membincangkan isu itu secara terbuka.

Pengarah Eksekutif Angkatan Karyawan Islam (AMP), Encik Mohd Anuar Yusop, berkata: "Secara peribadi, saya ingin melihat keadaan berubah secara beransur-ansur dan semula jadi."

Namun, beliau berharap suatu hari nanti, majikan seperti hospital dapat mengambil langkah proaktif membenarkan pekerja

mereka, termasuk jururawat, memakai tudung semasa bertugas.

Presiden Persatuan Peguam Islam (AML), Encik Noor Mohamed Marican, berkata isu tudung itu bukan soal hak seperti hujah sesetengah pihak yang merujuk Artikel 152 dalam perlembagaan mengenai kedudukan istimewa orang Melayu.

"Selama ini pemerintah memberi kebebasan kepada orang Islam mengamalkan agama di sini.

"Ini soal pemerintah membuat perubahan menyesuaikan diri kepada keperluan masyarakat, dan perubahan akan mengambil masa," ujarnya, dan menambah dialog seperti itu bermakna pemerintah memandang serius terhadap isu tersebut.

Pensyarah politeknik dan pemimpin akar umbi, Cik Khartini Khalid, ingin melihat masyarakat yang lebih inklusif.

"Walaupun saya tidak bertudung,

saya harap satu hari nanti masyarakat akan lebih inklusif dan menerima wanita bertudung.

"Pada masa sama, anggota masyarakat Melayu/Islam perlu bertenang dan membincangkan isu ini secara rasional agar hujah kita lebih mudah diterima masyarakat lain. Pendekatan konfrontasi tidak akan membantu," ujarnya.

Meski memahami kesulitan isu tudung, beberapa pemimpin turut meluahkan rasa agak kecewa pemerintah tetap dengan pendirian sama buat masa ini.

Walaupun agak sedih dengan pendirian pemerintah, ketua pegawai eksekutif (CEO) Persatuan Ain, Encik Md Yusof Ismail, berkata beliau terima dengan minda terbuka.

"Kita hidup dalam masyarakat majmuk dengan setiap masyarakat ada keperluan dan kehendak masing-masing. Per-

ubahan akan mengambil masa, seperti isu Edusave yang baru diperluas kepada pelajar madrasah tahun lalu," ujarnya.

Presiden Persatuan Muhammadiyah, Ustaz Shaik Hussain Shaik Yacob, berkata isu tudung sudah sekian lama dibincang dan mengajak masyarakat Islam bersabar.

"Kita ambil pengajaran daripada perjanjian Hudaibiyah. Walau hari ini orang Islam mungkin rugi, pada masa depan kita akan lihat lebih banyak kemajuan, insya-Allah."

"Cuma saya hairan apabila soal jalinan antara kaum ditimbulkan. Apakah usaha yang dijalankan selama ini belum membuahkan hasil? Kalau belum, saya fikir lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi persefahaman dan toleransi," ujar Ustaz Shaik Hussain.

Lebih 100 pemimpin masyarakat dan agama hadir dialog di Mes Pegawai Kanan Polis di Mount Pleasant Road itu.

Encik Lee berkata pemerintah memahami aspirasi masyarakat Melayu/Islam mengenai tudung, namun beliau mengajak semua pihak supaya melangkah dengan berhati-hati, bertahap-tahap, bukan bertindak melulu ekoran tekanan.

Bina masyarakat berpekerti, berguna

SEBUAH masyarakat Melayu/Islam yang dikenali dengan budi pekerti tinggi dan memberi manfaat kepada insan lain - bukan semata-mata masyarakat yang dikenali dengan sehelai kain.

Ini dinyatakan Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar merangkap Ehwal Dalam Negeri) Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad, ketika diminta mengulas mengenai dialog isu tudung kelmarin.

"Kita harus membangunkan pekerti masyarakat Islam kita se-

ti budi pekerti tinggi dan memberi manfaat kepada manusia," ujar Encik Masagos yang memudahcara sesi dialog kelmarin.

Beliau turut menyeru masyarakat Melayu/Islam supaya bersatu dan menyokong Mufti, Dr Fatris Bakaram, tentang perlunya bekerjasama dengan masyarakat luas demi syiar Islam dan kepentingan bersama.

"Saya rasa kita harus yakin bahawa setiap permasalahan agama ada penyelesaiannya asalkan ia

an semasa," ujarnya.

Encik Masagos turut memuji sikap pemimpin badan Melayu/Islam semasa berdialog dengan Perdana Menteri dan ahli panel di dialog itu.

"Mereka tulus dan sopan malah bijaksana. Aspirasi masyarakat Islam untuk menjalankan kewajipan beragama dengan berhijab turut disampaikan dengan beradab.

"Ramai juga jelas memahami kesulitan PM memberi ruang kepada tuntutan setiap kaum dalam

masyarakat majmuk Singapura.

"PM menekankan sebenarnya pemerintah banyak menyebelahi kaum minoriti termasuk dalam kepentingan beragama mereka," ujar Encik Masagos.

Katanya lagi, agama antara isu yang masih sensitif walaupun di mata masyarakat umum ianya tidak kelihatan ketara.

Perdana Menteri bimbang jika satu praktik agama terserlah secara mendadak akan menggoyahkan masyarakat lain.

Sebaliknya praktik berhijab dalam banyak bidang pekerjaan amat diterima bukan kerana ara-